

Kes SRC

Najib manipulasi syarikat dapatkan pinjaman RM4b

Peguam dapati
dokumen,
kronologi kejadian
tunjuk bagaimana
Najib salah guna
peranan PM

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu wujud bukti menunjukkan Datuk Seri Najib Razak memanipulasi SRC International Sdn Bhd untuk mendapatkan pinjaman RM4 bilion daripada dana pencen bagi memperkayakan dirinya sebanyak AS\$120 juta, yang akhirnya menyebabkan kerugian kepada syarikat pelaburan itu dan rakyat.

Peguam mewakili SRC, Datuk Lim Chee Wee berkata demikian dalam ucapan pembukaan tuntutan saman sivil dikemukakan oleh syarikat pelaburan strategik itu terhadap Najib selaku defendan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin.

Chee Wee berkata, SRC selaku plaintif akan menunjukkan Najib yang mempunyai kuasa tertinggi ke atas syarikat itu sebagai pegawai awam, menyalahgunakan kuasa dengan mengetahui sepenuhnya bahawa beliau berbuat demikian atau bersikap acuh tak acuh terhadap had kuasa dalam jawatan awamnya.

Menurutnya, daripada menja-

di syarikat yang ditubuhkan bagi memacu pembangunan ekonomi untuk rakyat, SRC menjadi mangsa penipuan berskala besar membabitkan pelbagai bidang kuasa yang didalangi Najib melalui peranannya sebagai pegawai awam iaitu perdana menteri, menteri kewangan dan penasihat emeritus SRC.

"Dokumen dan kronologi kejadian akan menunjukkan bagaimana defendan pertama (Najib) menyalahgunakan peranannya sebagai perdana menteri dan menteri kewangan untuk meneruskan dan mempercepatkan kelulusan diperlukan bagi pinjaman yang kemudian diberikan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

"Datuk Seri Najib Razak sendiri ketika menjadi perdana menteri, menyatakan SRC ditubuhkan dengan tujuan sebagai tonggak pembangunan ekonomi jangka panjang yang mampan untuk rakyat.

"Sebaliknya SRC adalah syarikat dimanipulasi oleh defendan pertama untuk mendapatkan pinjaman RM4 bilion daripada KWAP, iaitu dana persaraan untuk kakitangan awam untuk memperkayakan dirinya sebanyak AS\$120 juta dan dalam proses itu, menyebabkan kerugian kepada SRC dan akhirnya rakyat sebanyak AS\$1.18 bilion," katanya.

Chee Wee berkata, bekas perdana menteri itu sebenarnya adalah pengarah bayangan (mengawal syarikat, tetapi tidak dinamakan pengarah secara rasmi) SRC.

Beliau berkata, syarikat itu



Najib tiba
di Mahkamah
Tinggi Kuala
Lumpur,
semalam.
(Foto Saifullizan
Tamadi/BH)

masih mengalami kerugian berterusan daripada tindakan itu di mana secara kebetulan KWAP berada di bawah bidang kuasa Najib ketika menjadi menteri kewangan.

Menurutnya, kuasa tindakan dan tuntutan SRC bertitik tolak daripada kronologi kejadian di mana ia diperbadankan sebagai 'syarikat tujuan khas' pada 7 Januari 2011, untuk melabur dalam sektor tenaga konvensional boleh diperbaharui, sumber asli dan mineral.

Katanya, pelaburan itu akhirnya adalah untuk rakyat, dengan jangkaan mereka yang berkuasa akan bertindak dengan niat baik bagi manfaat orang ramai dan mempunyai kewajipan untuk bertindak semata-mata untuk kebaikan rakyat selaku penjaga 'tabung' negara.

"Orang ramai menaruh kepercayaan kepada mereka yang memegang jawatan awam untuk tidak menyalahgunakan kuasa

atau bersikap acuh tak acuh terhadap had kuasa awam itu, dan seterusnya melakukan tindakan yang boleh membahayakan institusi yang mereka bersumpah untuk lindungi.

"Dokumen dan kronologi kejadian juga akan menunjukkan bagaimana defendan pertama menyalahgunakan peranannya sebagai perdana menteri dan menteri kewangan untuk meneruskan dan mempercepatkan kelulusan yang diperlukan bagi pinjaman yang kemudian diberikan oleh KWAP.

"Defendan juga mempunyai kuasa tertinggi ke atas SRC dan akhirnya menyebabkan kemudahan kepada syarikat yang ditubuhkan dengan tujuan demi kepentingan awam," katanya.

Chee Wee berkata, Najib melalui peranan sebagai perdana menteri iaitu pegawai awam, boleh disaman melalui undang-undang tort salah laku dalam jawatan awam.